


Bil. 41

**Isnin
27 Ogos 2007**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin 27, Ogos 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenalkan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat yang lalu seperti berikut:

1. Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2007;
2. Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007;
3. Akta Perbekalan Tambahan (2006) 2007;
4. Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007;
5. Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) (Pindaan) 2007;
6. Akta Koperasi (Pindaan) 2007;
7. Akta Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2007;
8. Akta Persatuan Nelayan (Pindaan) 2007;
9. Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (Pindaan) 2007;
10. Akta Hak Milik Anak Negeri Labuan 2007;
11. Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007;
12. Akta Syarikat (Pindaan) 2007;
13. Akta Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2007;
14. Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007;
15. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2007;
16. Akta Antipemerdagangan Orang 2007;
17. Akta Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007;
18. Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
19. Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007;
20. Akta Perbadanan Kewangan Perdagangan Islam Antarabangsa 2007;
21. Akta Kanun Keseksaan (Pindaan) 2007; dan
22. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2007.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN NEGARA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"24 Julai, 2007

Perutusan Daripada Dewan Negara Kepada Dewan Rakyat

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan rang undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan) 2007;
2. Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2007;
3. Rang Undang-undang Biokeselamatan 2006;
4. Rang Undang-undang Bahan Letupan (Pindaan) 2007;
5. Rang Undang-undang Pendaftaran Sewa Beli (Sarawak) (Pemansuhan) 2007;
6. Rang Undang-undang Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007;
7. Rang Undang-undang Makmal Patologi 2007;
8. Rang Undang-undang Pengangkutan Melalui Udara (Pindaan) 2007;
9. Rang Undang-undang Agensi Kelayakan Malaysia 2007;
10. Rang Undang-undang Sistem Pengukuran Kebangsaan 2007;
11. Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 2007;
12. Rang Undang-undang Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007;
13. Rang Undang-undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007;
14. Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Pindaan) 2007;
15. Rang Undang-undang Jalan, Parit dan Bangunan (Pindaan) 2007;
16. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2007;
17. Rang Undang-undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 2007;
18. Rang Undang-undang Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007;
19. Rang Undang-undang Pilihan Raya (Pindaan) 2007;
20. Rang Undang-undang Bank Islam (Pindaan) 2007;

21. Rang Undang-undang Takaful (Pindaan) 2007; dan
22. Rang Undang-undang Bil Pertukaran (Pindaan) 2007.

Yang Ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA.”

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah drastik yang telah diambil kerajaan dalam menangani pemberian maklumat peribadi kewangan orang ramai oleh syarikat Credit Tip Off Services Sdn Bhd (CTOS).

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Awang Adek bin Hussin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Larut. Untuk makluman Yang Berhormat, institusi-institusi perbankan dilarang di bawah undang-undang yang berkenaan iaitu Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 daripada memberikan maklumat kewangan pelanggan mereka kepada mana-mana pihak luar termasuk syarikat-syarikat rujukan kredit. Maklumat yang dikumpul oleh syarikat-syarikat rujukan kredit swasta semasa di Malaysia hanya merangkumi maklumat-maklumat awam.

Bagi menangani isu-isu seperti maklumat yang tidak tepat dan tidak dikemaskinikan oleh syarikat-syarikat rujukan kredit, kerajaan kini sedang menggubal undang-undang untuk mengawal selia aktiviti syarikat-syarikat rujukan kredit tersebut.

■1010

Sementara penggubalan undang-undang tersebut berjalan kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah tertentu seperti berikut:

- (i) kerajaan atau agensi-agensi kerajaan tidak dibenarkan menggunakan perkhidmatan CTOS;
- (ii) institusi-institusi perbankan perlu mendapatkan kebenaran peminjam terlebih dahulu sebelum memperoleh maklumat peribadi mereka daripada syarikat-syarikat rujukan kredit seperti CTOS; dan
- (iii) Syarikat CTOS Sdn. Bhd. tidak boleh mengenakan sebarang pembayaran terhadap individu yang ingin menyemak, membetul dan mengemaskinikan maklumat yang terdapat dalam pangkalan data mereka.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih, Yang Berhormat. Soal CTOS ini sememangnya serius kerana ia membabitkan keperibadian kewangan orang ramai dan juga kerajaan telah memaklumkan semua agensi kewangan termasuk institusi kewangan supaya tidak lagi menggunakan khidmat CTOS ini, tetapi apa yang saya difahamkan, yang mendukacitakan ialah persatuan bank-bank dalam negara kita ini masih menggunakan khidmat mereka ini walaupun telah disarankan supaya tidak menggunakan khidmat untuk mendapatkan maklumat daripada CTOS ini.